

07 JUL 2001

BN-Ucapan (Komponen)

BN PERLU MULA RANCANG UNTUK 50 TAHUN AKAN DATANG, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini menggesa parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya memulakan perancangan dan persediaan bagi menghadapi cabaran untuk 50 tahun akan datang.

Ini perlu bagi membolehkan BN membawa lebih banyak lagi faedah dan kemajuan kepada negara dan rakyat, katanya.

"Kunci kejayaan BN selama ini adalah kesanggupannya untuk membuat perubahan mengikut keperluan semasa dan dapat memenuhi kehendak rakyat," katanya semasa berucap di Konvensyen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Ling berkata MCA juga menyokong penuh cadangan Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerjasama antara parti-parti komponen BN dipertingkatkan.

Pada masa ini kerjasama BN pada umumnya lebih ketara semasa pilihan raya umum diadakan, katanya.

Adalah penting pemimpin BN sentiasa berinteraksi di semua peringkat untuk bertukar-tukar fikiran, katanya.

"BN juga harus bertindak dan berfungsi sebagai satu entiti, mempunyai pendirian yang sama dalam semua isu dan menangani masalah bukan atas kepentingan dan keprihatinan parti individu tetapi sebagai agenda bersama BN," kata Dr Ling.

Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M. Kayveas berkata BN tidak harus memandang ringan usaha PAS menggunakan Islam untuk melebarkan pengaruhnya.

"Jika anggota BN menganggap perkara ini sebagai agenda politik yang tidak membahayakan, maka akan tiba satu masa rakyat terpaksa memilih sama ada kerajaan Islam yang diterajui golongan politik Islam ekstrim ataupun kerajaan BN," katanya.

Sementara itu, presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menganggap hubungan antara PAS dan DAP sebagai "hubungan lelaki dengan lelaki" dan hubungan mereka tidak akan berakhir dengan perikatan kukuh.

"PAS dan DAP bukan seperti BN...ia seperti hubungan seorang lelaki dengan lelaki lain...mereka tidak boleh berkahwin satu sama lain," katanya dalam ucapan yang menggamatkan para hadirin.

Merujuk kepada ucapan pembukaan Dr Mahathir di konvensyen itu terlebih dahulu, Dr Lim berkata pakatan pembangkang itu bukan sahaja barisan palsu tetapi juga "barisan auta" (barisan tipu).

Katanya untuk menghadapi cabaran daripada PAS, BN perlu menggerakkan jenteranya secara bersepadu sehingga ke akar umbi.

"Lain kali bila kita masuk kampung, kita kenalah pergi bersama-sama. Bukan sahaja Umno, MCA atau MIC dan Gerakan tetapi semua sekali. Barulah kita boleh dapat sokongan mereka rakyat semua," katanya.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu menyarankan penubuhan unit baru di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti pelbagai masalah yang dibangkitkan rakyat demi menjaga kebajikan mereka.

Katanya, unit itu juga perlu mencadangkan kepada kerajaan cara mengatasinya sebelum sesuatu masalah itu menjadi bertambah buruk dan menghalang percubaan mana-mana pihak untuk menghilangkan kepercayaan orang ramai kepada kerajaan.

"Pendekatan baru kita ialah dengan balik kepada rakyat iaitu bersama dengan mereka mendengar tentang keperluan serta menangani masalah mereka

melalui sebuah kerajaan yang benar-benar menjadi kerajaan rakyat," katanya.

Samy Vellu berkata pemimpin BN juga perlu senang ditemui oleh rakyat biasa melalui saluran interaksi dan hubungan secara terus.

Beliau juga mempersoalkan bagaimana pembangkang boleh mengadakan ceramah tanpa permit.

-- BERNAMA

SLR MAM FAZ